

KLIA Tidak Terjejas Dengan Krisis Ekonomi Di AS Dan Eropah
Bernama
23 Ogos, 2011
Oleh Mohd Khairi Idham Amran

SEPANG, 23 Ogos (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), sehingga kini belum terjejas oleh krisis ekonomi yang melanda Amerika Syarikat dan Eropah, kata pengendali lapangan terbang itu, Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB).

Pengurus Besar Kanan bagi operasi MAHB, Datuk Azmi Murad berkata bagi tempoh Januari hingga Julai, jumlah penumpang menggunakan KLIA meningkat sebanyak 13.3 peratus kepada 21.836 juta orang berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas.

"Penumpang menggunakan terminal utama meningkat sebanyak 9.3 peratus kepada 11.759 juta manakala penumpang menggunakan terminal syarikat penerbangan tambang murah naik 18.4 peratus kepada 10.077 juta berbanding tempoh Januari-Julai tahun lepas," kata beliau kepada Bernama selepas menyampaikan sumbangan buah kurma dan air mineral kepada penumpang di KLIA.

Beliau berkata jumlah penumpang yang lebih tinggi dari Timur Tengah, yang bercuti pada tempoh Julai hingga September, juga membantu menaikkan jumlah penumpang semasa tempoh tersebut.

Terdahulu, MAHB mengagihkan 2,000 paket buah kurma dan 1,160 botol air mineral kepada penumpang di terminal utama KLIA dan terminal syarikat penerbangan tambang murah.

Majlis berkenaan yang dianjurkan untuk tahun keenam berturut-turut sejak 2006, turut disertai oleh 13 syarikat lain termasuk CIMB Bank dan Celcom Axiata yang menyumbang buah kurma dan air mineral.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609995>